



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	26/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 3
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN SABAH		

Metro Ahad | 26.09.2021

@hmetromy | HariMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my 3



ANGGOTA Batalion 20 PGA Beluran bersama agensi lain memeriksa bot yang membawa muatan kulit kayu tangar yang dicuri dari Hutan Simpan Kuala Sungai Paitan.



BOT bersama kulit kayu tangar dilupuskan.



CURI KULIT KAYU RM350K

Kapal dipercayai dari Filipina ditinggalkan bawa 10 tan kayu

Oleh Juvan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Operasi Op Khazanah Bersepadu berjaya menemui 10 tan kulit kayu tangar bernilai RM350,000 dipercayai dicuri dari Hutan Simpan Kuala Sungai Paitan, Sungai Sugut, Beluran kelmarin.

Dalam operasi jam 2 petang itu, semua kayu berkenaan ditemui ditinggalkan di dalam sebuah kapal yang dipercayai dari Filipina.

Komander Briged Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah, Senior Asisten Komisioner Abdul Rani Alias berkata,

operasi dijalankan Batalion 20 PGA Beluran dengan kerjasama Jabatan Perhutanan dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF).

Katanya, ketika rondaan yang dijalankan, pasukan operasi menemui sebuah kapal tidak berdaftar yang dipercayai digunakan oleh penceroboh.

"Pasukan operasi terus melakukan pemeriksaan di kawasan sekitar dan tidak menemukan individu atau kesalahan lain di lokasi.

"Rampasan kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Perhutanan untuk tindakan selanjutnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Abdul Rani berkata, semua

kayu yang ditemui dianggarkan bernilai RM350,000 berdasarkan harga pasaran semasa.

Manakala, katanya, kapal yang digunakan pula dianggarkan bernilai RM80,000 dan menjadikan nilai keseluruhan rampasan sebanyak RM450,000.

"Siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 23 Enakmen Perhutanan 1968 dan Peraturan-Peraturan Hutan 1969.

"Pegawai penyiasat Jabatan Perhutanan kemudiannya mengambil tindakan melupuskan dengan membakar semua kulit kayu berkenaan termasuk bot ditemui," katanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

KeTSAMalaysia

KeTSAMalaysia